Lim
1/2/86.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

# KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.

(CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-12

*Isnin, 3 Februari 1986, jam 4.30 petang*

*di Dewan Kuliah G*

*Universiti Sains Malaysia*

13

Lim Huck Tee,
Perpustakaan,
USM.

KEDAI BUKU KOPERATIF BHD. USM MINDEN P. PINANG

Ruj: UP.47/CB/AGM.12

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.
(CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

MEMORANDUM

| Kepada: | Daripada: |
| --- | --- |
| Semua ahli Kedai Buku Koperatif Bhd. Universiti Sains Malaysia | Setiausaha Lembaga Pengarah |

Tarikh: 5 Januari, 1986

s.k. Pengarah
Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri
Pulau Pinang

Ini ialah untuk memaklumkan bahawa mesyuarat Agung Tahunan Ke-12 akan diadakan pada hari Isnin, 3 Februari, 1986, jam 4.30 petang di Dewan Kuliah G, Universiti Sains Malaysia.

AGENDA

1. Minit mesyuarat yang lalu
Mesyuarat akan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-11 yang telah diadakan pada 5 Februari, 1985 (Lihat Lampiran A).

2. Laporan tahunan
Mesyuarat akan mempertimbang dan meluluskan Laporan Tahunan Lembaga Pengarah bagi tempoh 1 Mei 1984 - 30 April 1985 (Lihat Lampiran B).

3. Akaun tahunan
Mesyuarat akan mempertimbangkan dan menerima Lembaran imbangan, akaun untung-rugi dan nota-nota kepada akaun bagi tempoh 1 Mei 1984 - 30 April 1985 (Lihat Lampiran C(i)).

Akaun ini telah diluluskan oleh Ketua Pendaftar Koperasi-Koperasi Malaysia melalui surat Koop (Audit)IP:PP-49/3165/5/(65) bertarikh 27 Disember 1985. Pandangan dan ulasan Ketua Pendaftar ke atas akaun ini adalah seperti di dalam Lampiran C(ii).

4. Perlantikan Pengarah
Mesyuarat akan melantik empat orang Pengarah untuk mengisi kekosongan seperti berikut :

(i) Dr. Ng Wai Kong, Puan Rashidah Begum dan Profesor Madya Saringat Haji Baie bersara mengikut giliran. Menurut undang-undang kecil 51, mereka layak dan menawarkan diri untuk dilantik semula.

(ii) Dr. Chua Swee-ong telah meletakkan jawatan. Mesyuarat akan melantik seorang Pengarah.

5. Pembahagian keuntungan

(i) Pembayaran dividen

Mesyuarat akan mengesah dan mengisytiharkan pembayaran dividen sebanyak 20% bagi tempoh berakhir 30 April, 1985 untuk tiap ahli yang mana namanya ada di dalam buku pendaftaran pada 31 Disember, 1984. Dividen untuk ahli akan diberi dalam bentuk kupon yang dapat digunakan di Kedai Buku dan Kedai Mahasiswa. Universiti Sains Malaysia akan diberi dividen dalam bentuk wang.

(ii) Derma

Mesyuarat akan meluluskan derma $5,000.00 kepada Tabung Pinjaman Pelajar Universiti Sains Malaysia.

6. Anggaran belanjawan

Mesyuarat akan mempertimbang dan meluluskan anggaran belanjawan bagi tempoh Mei 1986 - April 1987 (Lihat Lampiran D).

7. Pindaan kepada Undang-undang Kecil

Mesyuarat akan mempertimbangkan pindaan seperti di Lampiran E. Pindaan ini telah dipersetujui oleh Ketua Pendaftar Koperasi-koperasi Malaysia melalui surat Koop P.P.764/5/(25) bertarikh 18 Mac 1985.

8. Perlantikan Juruaudit Luar dan Dalam

Mesyuarat akan mempertimbangkan perlantikan juruaudit seperti berikut :

(a) Ahmad Abdullah dan Goh, Juruaudit Luar, tamat tempoh perkhidmatan dan telah menyatakan kesanggupan mereka untuk lantikan semula.

(b) Profesor Madya Abdul Wahab Jusoh dan Encik Quah Kung Hai tamat tempoh perkhidmatan. Mesyuarat akan melantik dua Juruaudit Dalam untuk menggantikan mereka.

9. Hal-hal lain

Mesyuarat akan mempertimbangkan perkara-perkara lain yang telah disampaikan kepada Setiausaha Lembaga Pengarah, tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat ini.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

RBegum

(Puan) Rashidah Begum

Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kesebelas yang diadakan pada hari Selasa, 5 Februari, 1985, jam 5.00 petang di Dewan Kuliah G, Universiti Sains Malaysia

| | |
|---|---|
| Hadir : | Profesor Madya Mohamad Sulaiman (Pengerusi mesyuarat)<br>Puan Rashidah Begum (Setiausaha)<br>230 ahli yang lain |
| Turut hadir: | Encik Ng Thean Oon<br>Penolong Pengurus<br>Kedai Buku Koperatif Bhd. |
| s.k. | Pegawai Kanan Pembangunan Koperasi<br>Daerah Timor Laut<br>Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri<br>Pulau Pinang |
| Kata-kata aluan | 1. Pengerusi mesyuarat mengalu-alukan ahli ke mesyuarat ini. Profesor Madya Mohamad Sulaiaman memberitahu bahawa beliau mempengerusikan mesyuarat ini oleh kerana Pengerusi Lembaga, Encik Lim Huck Tee telah mengambil cuti sebatikalnya baru-baru ini. |
| Minit mesyuarat yang lalu | 2. Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kesepuluh yang telah diadakan pada 16 Disember, 1983 disahkan tanpa pindaan. |
| Laporan tahunan Lembaga Pengarah | 3. Mesyuarat mempertimbangkan Laporan Tahunan Lembaga Pengarah bagi tempoh 1 Mei, 1983 - 30 April, 1984.<br><br>Laporan tahunan diluluskan sebulat suara tanpa pindaan. |
| Akaun tahunan 1 Mei, 1983 - 30 April, 1984 | 4. Mesyuarat telah mempertimbang dan menerima lembaran imbangan, akaun untung-rugi dan nota-nota kepada akaun ini. Kira-kira ini telah diluluskan oleh Ketua Pendaftar Koperasi-Koperasi Malaysia melalui suratnya KOOP. (AUDIT) IP:3165/3/(63) bertarikh 25 Januari 1985. Pandangan dan ulasan Ketua Pendaftar adalah seperti berikut:- |

"... (a) Berbanding dengan tahun 1983, didapati prestasi koperasi telah meningkat dengan begitu menggalakkan sekali, dimana keuntungan bersih yang diperolehi sebanyak $129,861 dalam tahun 1983 telah meningkat sebanyak 91.67% kepada $248,905.56 dalam tahun ini. Kesimpulan prestasi koperasi adalah seperti berikut :-

| | 1984 | 1983 | +/-% |
|---|---|---|---|
| | ---- | ---- | ---- |
| Pendapatan kasar | $469,724.25 | $326,022 | 44.08% |
| Perbelanjaan | 220,818.69 | 196.161 | 12.57% |
| Keuntungan bersih | 248,905.56 | 129.861 | 91.67% |
| Peratus keuntungan bersih atas pendapatan | 52.99% | 39.83% | |

Dalam pada itu, peratus keuntungan bersih atas jumlah pendapatan juga telah dapat dipertingkatkan lagi kepada 52.99% berbanding dengan kadar 39.83% bagi tahun lepas. Faktor utama terhadap kemajuan tersebut ialah peningkatkan jualan dari $2,190,040 pada tahun lalu. kepada $2,424,258 pada tahun ini.

(b) Yuran Masuk

Baki Yuran Masuk pada 31hb. April, 1984 adalah sejumlah $3,702.88. Koperasi bolehlah meminda Undang-undang Kecilnya supaya ia dikredit ke Akaun Untungrugi untuk menampong perbelanjaan cetakan dan alatulis.

(c) Rizab Modal

Rizab Modal merupakan gran-gran dari USM yang tidak perlu dikembalikan. Penggunaan perkataan 'Rizab Modal' adalah mengelirukan kerana mengikut Seksyen 33 Akta Koperasi, hanya keuntungan atau kerugian modal dari penjualan harta tetap dan pelaboran atau penilaian harta dikredit atau didebitkan ke akaun tersebut. Mengikut Undang-undang Kecil 34 gran-gran tersebut hendaklah dikereditkan ke Kumpulanwang Kebajikan Am (Common Good Fund) atau sesuatu Kumpulanwang Khas (Special Fund). Koperasi haruslah menukarkan perkataan tersebut supaya selaras dengan kehendak peruntukan Undang-undang Kecilnya.

(d) Siberhutang Perniagaan

Baki Siberhutang perniagaan pada 31hb. April 1984 adalah $332,869.61. Termasuk

dalam siberhutang perniagaan tersebut, sejumlah $317,796.49 (1983 - $178,637.67) yang dihutang dari Perpustakaan USM. Supaya dapat mengadakan pengurusan modal kerja (working capital) yang lebih cekap, langkah-langkah yang sewajarnya perlu diambil untuk mengutip balik hutang-hutang tersebut.

(e) Wang tunai di tangan

Koperasi telah melanggar Undang-undang Kecil 63(c)(i) dengan menyimpan wang tunai di tangan yang melebihi had jumlah wang tunai di tangan yang ditetapkan iaitu $100/-. Sekiranya, had jumlah wang tersebut tidak lagi sesuai untuk keadaan urusniaga, koperasi haruslah meminda Undang-undang Kecil tersebut..."

Perlantikan pengarah

5. Mesyuarat diberitahu bahawa tiga orang pengarah perlu dilantik untuk mengisi kekosongan seperti berikut:-

(i) Dr. Chua Swee-ong dan Encik Quah Chun Eng yang bersara mengikut giliran.

(ii) Tuan Haji Zainal Adnan Yang Yahaya yang meletakkan jawatan.

Dr. Chua Swee-ong, Encik Lee Hock Leong dan Encik Quah Chun Eng dicalonkan dan dipilih untuk mengisi kekosongan ini.

Pembahagian keuntungan

7. Pembahagian keuntungan seperti yang berikut dipersetujui:-

(i) Mesyuarat dengan sebulat suara mengesah dan mengisytiharkan pembayaran dividen sebanyak 10% bagi tempoh berakhir 30 April, 1984 untuk setiap ahli yang mana namanya ada di dalam buku pendaftaran pada 31 Disember, 1984. Dividen untuk ahli perseorangan akan diberi dalam bentuk kupon yang dapat digunakan di Kedai Buku dan Kedai Mahasiswa. Universiti Sains Malaysia pula akan diberi dividen dalam bentuk wang. Mesyuarat diberitahu bahawa tindakan telah diambil untuk meminda Undang-undang Kecil supaya dividen yang melebihi 10% dapat dibayar.

(ii) Mesyuarat meluluskan derma sebanyak $5,000.00 kepada Tabung Pinjaman Pelajar Universiti Sains Malaysia.

| | | |
|---|---|---|
| Anggaran belanjawan | 8. | Mesyuarat mempertimbang dan meluluskan anggaran belanjawan bagi tempoh Mei 1985 - April 1986. |
| Perlantikan Juruaudit luar dan dalam | 9. | Syarikat Ahmad Abdullah & Goh dilantik semula sebagai Juruaudit Luar. |
| | | Profesor Madya Abdul Wahab Jusoh dan Encik Quah Kung Hai dilantik sebagai Juruaudit Dalam. |
| | | Oleh kerana tidak ada hal-hal lain mesyuarat tamat pada pukul 6.00 petang. |

# UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
# KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.
# LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TEMPOH 1 MEI 1984 - 30 APRIL 1985

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Keduabelas kepada ahli-ahli Kedai Buku Koperatif Bhd.

## MAKLUMAT AM

Kedai Buku Koperatif Bhd. didaftarkan pada 21 Mac, 1973 di bawah Ordinan Syarikat-syarikat Kerjasama, 1948. Tujuan utama syarikat ini adalah untuk memenuhi kehendak seluruh kaum di Universiti ini untuk bahan-bahan bacaan sert bahan keperluan lain dengan harga yang berpatutan.

## LEMBAGA PENGARAH

Pengarah-pengarah yang bertugas bagi tempoh laporan ini adalah seperti berikut:

(i) Pengarah yang dilantik oleh Naib-Canselor Universiti Sains Malaysia

Encik Lim Huck Tee (Pengerusi - sehingga Januari 1985)
Profesor Madya Mashudi Hj. Kader (Pengerusi - mulai Februari 1985)
Profesor Madya Mohamad Sulaiman (Naib Pengerusi)
Profesor Madya Mohd. Jamel Basha b. Adlan

(ii) Pengarah yang dilantik semasa mesyuarat agung tahunan

Dr. Chua Swee-ong
Encik Lee Hock Leong
Dr. Ng Wai Kong
Encik Quah Chun Eng (Bendahari)
Puan Rashidah Begum (Setiausaha)
Profesor Madya Saringat Haji Baie

(iii) Wakil Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia

Encik Rahmat Aman

Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak enam kali sepanjang tempoh laporan ini.

Empat Jawatankuasa Kecil telah ditubuhkan oleh Lembaga untuk bertanggungjawab atas beberapa aspek penting Kedai Buku Koperatif Bhd.. Tujuan dan keahlian Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil adalah seperti yang tersebut di bawah ini :

1. Jawatankuasa Kecil Hal-hal Kakitangan

Ahli: Profesor Madya Mashudi Hj. Kader (Pengerusi)
Profesor Madya Mohamad Sulaiman
Encik Pall Singh
Encik Quah Chun Eng
Puan Noor Salma Noor Lajis (Setiausaha)
Puan Rashidah Begum (Kerana Jawatan)

Tujuan Jawatankuasa Kecil ini adalah untuk menasihat Lembaga tentang hal-ha kakitangan.

2. Jawatankuasa Kecil Kedai Mahasiswa

Ahli: Profesor Madya Mohd. Jamel Basha b. Adlan (Pengerusi)
Dr. Chua Swee-ong
Encik Lee Hock Leong
Encik Rahmat Aman
Encik Ng Thean Oon (Setiausaha)
Puan Rashidah Begum (Kerana Jawatan)

Tujuan Jawatankuasa ini adalah:

(i) menasihat Pengurus Kedai Buku Koperatif Bhd. tentang hal-hal pembelia bahan-bahan untuk Kedai Mahasiswa,
(ii) mengkaji semula dari masa ke semasa sistem jualan dan juga membuat syor syor untuk memperbaiki jualan,
(iii) mengesyorkan kepada Lembaga bahan-bahan baru yang patut dijual di Keda Mahasiswa, dan
(iv) mendapatkan kelulusan Lembaga tentang perkara-perkara berkaitan dengan derma, iklan dsb. dari Kedai Mahasiswa.

3. Jawatankuasa Kecil Kewangan

Ahli: Encik Quah Chun Eng (Pengerusi)
Profesor Madya Abdul Wahab Jusoh (Juruaudit Dalam)
Encik Quah Kung Hai (Juruaudit Dalam)
Puan Sabariah Othman (Setiausaha)
Puan Rashidah Begum (Kerana Jawatan)

Tujuan Jawatankuasa ini adalah:

(i) menasihat Lembaga tentang perkara kewangan Kedai Buku Koperatif Bhd.,
(ii) bertanggungjawab terhadap perancangan belanjawan Kedai Buku Koperati Bhd.,
(iii) menyediakan anggaran belanjawan bagi tahun akan datang untuk pertimbang dan kelulusan Lembaga Pengarah, dan
(iv) mengkaji semula polisi insuran Kedai Buku dan Kedai Mahasiswa bagi tiap tiap tahun dan membuat syor kepada Lembaga Pengarah.

4. Jawatankuasa Kecil Perhubungan

Ahli: Profesor Madya Saringat Haji Baie (Pengerusi)
Encik Chan Chee Khoon
Dr. Leong Yueh Kwong
Dr. Ng Wai Kong
Profesor Madya (Dr.) Peter Simmons
Puan Rashidah Begum (Setiausaha)

Tujuan Jawatankuasa ini adalah:

(i) bertanggungjawab mempastikan agar buku-buku tambahan dibeli bagi keperluan golongan Universiti, khasnya golongan pelajar,

(ii) bertanggungjawab untuk membuat syor bagi pembelian tajuk-tajuk baru buku bacaan rekreasi.

KEMAJUAN

Pada keseluruhannya, pada tempoh ini, Kedai Buku Koperatif Bhd. telah mencapai perkembangan yang memuaskan.

Jualan tunai dan kredit bagi Kedai Buku Koperatif Bhd. telah meningkat daripada $2,424,258.47 kepada $2,600,600.29. Ini adalah $176,342 lebih dari jualan 1983/84 dan merupakan kenaikan sebanyak 7.2%. Namun demikian keuntungan bersih telah berkurangan sebanyak 4.46% jumlah jualan, daripada 10.21% kepada 5.8%. Namun begitu peratus perbelanjaan pentadbiran tidak berubah, iaitu sebanyak 10%, jumlah jualan. Punca kejatuhan keuntungan bersih ini adalah disebabkan oleh kejatuhan keuntungan kasar dari 19.1% bagi tahun 1983/84 ke 14.8 bagi tahun 1984/85, iaitu sebanyak 4.3%.

Sepanjang tahun kewangan 1983/84, kadar pertukaran wang yang dikenakan kepada perpustakaan dan lain-lain Jabatan dan kadar import adalah seperti berikut:

| Kadar Pertukaran | Kadar Import | Peratus Keuntungan Kasar |
|---|---|---|
| 1.00 - M$4.58 | 1.00 - M$3.80 | 21% |
| US$1.00 - M$2.42 | US$1.00 - M$2.00 | 21% |

Sepanjang tahun kewangan 1984/85 pula, kadar pertukaran dan kadar import adalah seperti berikut:

| Kadar Pertukaran | Kadar Import | Peratus Keuntungan Kasar |
|---|---|---|
| 1.00 - M$3.47 | 1.00 - M$3.00 | 15% |
| US$1.00 - M$2.52 | US$1.00 - M$2.20 | 15% |

Peratus keuntungan kasar telah jatuh daripada 21% kepada 15% oleh sebab perubahan ke atas kadar pertukaran. Jumlah jualan kepada Perpustakaan dan lain-lain Jabatan bagi tahun kewangan 1984/85 ialah sebanyak $1,184,009 dan berdasarkan kepada kejatuhan untung kasar sebanyak 6% ini, jumlah keuntungan bersih juga telah jatuh pada kadar yang sama.

Dari keuntungan ini Lembaga mencadangkan supaya dividen sebanyak 20% dibayar kepada setiap ahli yang mana namanya tercatat dalam buku pendaftaran pada 31 Disember 1984. Dividen ini yang bernilai $1.00 bagi setiap saham, akan diberi dalam bentuk kupon yang dapat digunakan di Kedai Buku dan Kedai Mahasiswa. Universiti Sains Malaysia pula akan menerima dividen wang.

Perkhidmatan Kedai Buku Koperatif Bhd. diperluaskan lagi dengan penglibatannya di Pusat Farmasi yang akan dibuka tidak lama lagi. Di Pusat Farmasi ini, kami akan bertanggungjawab untuk memperolehi, menyimpan dan mempamerkan stok 'over-the-counter' seperti beberapa jenis ubat. Buku-buku berkaitan dengan perubatan juga akan dijual.

Kedai Buku Koperatif Bhd. telah menyelidik perlaksanaan skim insuran perubata Walaupun beberapa usaha diambil untuk menggalakan ahli menyertai skim i sambutan adalah sangat dingin dan oleh kerana ini keputusan diambil supa perlaksanaan skim ini ditangguhkan.

**KAKITANGAN**

Encik Abdul Halim b. Abu Kassim, Attenden, meletakkan jawatan pada 2Ø Jula 1984, sementara Encik Azhar A. Aziz, Kerani, meletakkan jawatan pada bulan Ma 1985. Kedudukan kakitangan pada 3Ø April 1985 adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Pengurus: | Puan Sabariah Othman |
| Pen. Pengurus: | Encik Ng Thean Oon |
| Kerani: | Puan Koid Gaik Heoh, Puan Koo Yim Lee, Puan Ong Siew Tin, Puan Tan Chooi Ngoh |
| Kerani (Akaun): | Cik Aires Tan |
| Kerani Muda: | Cik Goh Paik Hoon, Cik Lee Chooi Suan, Puan S. Saraspathy |
| Pembantu Jualan I: | Cik Norzalina Nordin, Cik Norizan Abdullah, Cik Ooi Say Oon, Cik Rodziah Begum Mohd. Zainul Abeedin |
| Pembantu Jualan II: | Encik Abdul Rahim b. Kassim, Encik Aziz b. Ibrahim, Puan Azizah bte Jaafar, Encik Idrus b. Rapie, Encik Krishnan a/l Ramasamy, Encik Selva Kumar a/l Maria Joseph, En Zulkiflee Megat Osman. |
| Jurutaip: | Cik Jasbir Kaur, Puan Marzenah Hashim |

**PENGHARGAAN**

Lembaga Pengarah ingin mengucapkan terima kasih kepada yang berikut:

(i) Naib Canselor Universiti Sains Malaysia yang telah memberi sokongan yang sepenuhnya,
(ii) ahli-ahli Lembaga yang telah bersara, di atas sumbangan mereka,
(iii) Dekan/Pengarah/Penyelaras Pusat-Pusat Pengajian, Ketua Jabatan dan kakitangan Universiti Sains Malaysia di atas kerjasama yang telah diberikan,
(iv) Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia di atas kerjasama dan sokongan mereka,
(v) Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang di atas kerjasama dan nasihat mereka,
(vi) Kakitangan Kedai Buku Koperatif Bhd. kerana menjalankan tugas-tugas mereka dengan penuh dedikasi dan minat, dan
(vii) Mereka yang lain yang telah memberi apa-apa jua bantuan dan kerjasama.

Bagi pihak Lembaga Pengarah

(Puan) Rashidah Begum
Setiausaha

LAMPIRAN C(i)

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.
PULAU PINANG

(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

AKAUN-AKAUN - 30 APRIL 1985

AHMAD ABDULLAH & GOH
Akauntan Awam Bertauliah
Pulau Pinang.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.
PULAU PINANG

LAPORAN BERKANUN LEMBAGA MENGIKUT AKTA KOPERASI 1948 (SEMAKAN 1983) SEKSYEN 35A(1)(c)

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 30 April 1985.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1948 (Semakan 1983) dan pindaan yang dibuat selepasnya, kami bagi pihak Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:-

(a) Pada pendapat Lembaga Koperasi, keputusan dari perjalanan urusan Koperasi bagi tahun berakhir 30 April 1985 tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara yang luar biasa.

(b) Koperasi bercadang untuk membayar dividen sebanyak 20% ($9,102.50) untuk tahun ini.

(c) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai harta dan tanggungan Koperasi yang digunakan sekarang, mengelirukan atau tidak sesuai.

(d) Tidak ada tanggungan luar jangka yang belum dijelaskan, diuruskan oleh Koperasi sepanjang tahun berakhir 30 April 1985.

(e) Lembaga Koperasi juga berpendapat bahawa jumlah harta semasa yang ditunjukkan di Lembaran Imbangan adalah manasabah.

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1948 (Semakan 1983), Seksyen 35A(4).

.................... (Pengerusi)

.................... (Bendahari)

.................... (Setiausaha)

LAMPIRAN C(i)



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.
PULAU PINANG

(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

LAPURAN JURUAUDIT TAHUN KEWANGAN 1985

Kepada:

Ketua Pendaftar Koperasi
Ahli-Ahli Koperasi

Tetuan,

Menurut kehendak seksyen 35(C) Akta Koperasi 1948 (Semakan 1983), Kaedah-kaedah Koperasi (Pindaan) tahun 1976 dan Undang-Undang Kecil Koperasi, kami melapurkan bahawa kami telah mengaudit akaun-akaun Koperasi Universiti Sains Malaysia Kedai Buku Koperatif Bhd., Pulau Pinang dan pandangan-pandangan kami adalah seperti berikut:-

(a) Undang-Undang Kecil 16 berkaitan dengan pemberhentian keahlian telah dipinda dengan kelulusan daripada Ketua Pendaftar Koperasi pada 3 Mei 1982. Fasal tambahan (f) menyatakan keahlian akan mansuh setelah seseorang ahli tidak lagi menjadi penuntut atau kakitangan Universiti. Pada tarikh 30 April 1985 amaun yang terakru kepada mereka yang terlibat dengan pindaan ini belum dikira, jadi Akaun Modal Saham tidak diselaraskan.

(b) Peruntukan dividen bagi tahun tersebut mengikut Undang-Undang Kecil 29 telah dikira berdasarkan baki Modal Saham yang telah dibayar penuh pada 30 April 1985. Berdasarkan ulasan di atas, peruntukan dividen mungkin dibuat lebih dari yang sepatutnya.

Tertakluk kepada perkara-perkara di atas, kami berpendapat bahawa Lembaran Imbangan dan Akaun Untung Rugi bersama-sama dengan nota-nota di mukasurat 3 hingga 10 adalah disusun selaras dengan kehendak Akta dan memberi gambaran yang benar dan berpatutan berkenaan dengan kedudukan harta dan tanggungan Koperasi pada 30 April 1985 dan keuntungannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

AHMAD ABDULLAH & GOH
Akauntan Awam Bertauliah
Juruaudit.

Pulau Pinang,
- 3 DEC 1985

# UNIVERSITI SAINS MALAYSIA KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.
# PULAU PINANG

## (UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 30 APRIL 1985

| | Nota | 1985 | 1984 |
|---|---|---|---|
| HARTA TETAP | 3 | $ 44,718.22 | $ 52,108 |
| PELABURAN - Kos | | | |
| Saham di Kedai Buku Koperatif Universiti Malaya Berhad | | 100.00 | 100 |
| HARTA SEMASA | | | |
| Stok | 4 | 812,558.14 | 719,577 |
| Siberhutang perniagaan | 5 | 145,363.96 | 332,870 |
| Pelbagai siberhutang, cagaran dan bayaran terdahulu | 6 | 129,531.89 | 88,599 |
| Petaruhan tetap di bank | 7 | 75,398.28 | 31,720 |
| Wang di bank dan di tangan | 8 | 76,280.42 | 62,905 |
| | | 1,239,132.69 | 1,235,671 |
| | | $1,283,950.91 | $1,287,879 |
| KUMPULANWANG AHLI | | | |
| Modal Saham | 9 | $ 45,512.50 | $ 45,893 |
| Bayaran Masuk | 10 | 3,919.38 | 3,703 |
| Akaun Untung Rugi Terkumpul | | 474,900.39 | 388,405 |
| Kumpulanwang Kebajikan Am | 11 | 110,000.00 | 110,000 |
| | | 634,332.27 | 548,001 |
| KUMPULANWANG REZAB BERKANUN | 12 | 161,934.86 | 128,642 |
| PINJAMAN DARI USM | 13 | 75,000.00 | 75,000 |
| TANGGUNGAN SEMASA | | | |
| Sipiutang perniagaan | 14 | 342,379.01 | 483,426 |
| Pelbagai sipiutang dan bayaran terakru | 15 | 48,702.27 | 44,780 |
| Dividen dicadangkan | | 9,102.50 | 8,030 |
| Peruntukan cukai pendapatan | 16 | 12,500.00 | - |
| | | 412,683.78 | 536,236 |
| | | $1,283,950.91 | $1,287,879 |

Nota-nota di mukasurat 6 hingga 10 merupakan bahagian penting akaun-akaun ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.
PULAU PINANG

(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BAGI TAHUN BERAKHIR
30 APRIL 1985

| | 1985 | 1984 |
|---|---|---|
| Keuntungan bersih tahun ini | $151,330.12 | $248,906 |
| Tolak: Pembahagian | | |
| Pindahan ke Kumpulanwang Rezab Berkanun - 22% | 33,292.63 | 54,759 |
| Sumbangan kepada Akaun Amanah Kumpulanwang Pelajaran Koperasi - 2% | 3,026.60 | 4,978 |
| Sumbangan kepada Angkasa - 1% | 1,513.30 | 2,489 |
| Dividen dicadangkan - 20% (1984 10%) dari modal saham | 9,102.50 | 4,030 |
| Honorarium | 400.00 | 100 |
| Derma kepada Tabung Pinjaman Penuntut | 5,000.00 | 5,000 |
| | 52,335.03 | 71,356 |
| | 98,995.09 | 177,550 |
| Tolak: Peruntukan cukai pendapatan (Nota 16) | 12,500.00 | - |
| Keuntungan selepas peruntukan cukai pendapatan | 86,495.09 | 177,550 |
| Campur: Baki keuntungan terkumpul pada 1 Mei 1984 | 388,405.30 | 210,855 |
| Baki keuntungan terkumpul dibawa ke Lembaran Imbangan | $474,900.39 | $388,405 |

Nota-nota di mukasurat 6 hingga 10 merupakan bahagian penting akaun-akaun ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.
PULAU PINANG

(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

AKAUN UNTUNG RUGI BAGI TAHUN BERAKHIR
30 APRIL 1985

| | 1985 | 1984 |
|---|---|---|
| PENDAPATAN | | |
| Keuntungan jualan kasar (Nota 17) | $385,986.36 | $463,549 |
| Komisyen atas jualan | 128.32 | 461 |
| Faedah petaruhan tetap | 5,025.15 | 1,687 |
| Pendapatan dari kadar penukaran wang | - | 1,736 |
| Dividen diterima | 10.00 | - |
| Sipiutang perniagaan ditulis balik | 84.00 | 703 |
| Faedah pinjaman | 311.16 | 213 |
| Sewaan | 1,200.00 | 1,200 |
| Rebat | - | 175 |
| Diskaun diterima | 329.20 | - |
| Pelbagai pendapatan | 79.50 | - |
| | 393,153.69 | 469,724 |
| PERBELANJAAN | | |
| Gaji, elaun dan bonos | 154.035.40 | 143,339 |
| KWSP dan SOCSO | 16,147.45 | 14,875 |
| Cetakan dan alatulis | 6,407.25 | 7,865 |
| Stem, telefon dan telegram | 5,463.80 | 5,614 |
| Bayaran perubatan | 2,891.60 | 1,103 |
| Insuran | 1,278.55 | 1,277 |
| Bayaran audit | 2,250.00 | 2,000 |
| Pembaikan dan penyelenggaraan | 696.30 | 1,527 |
| Komisyen bank | 738.48 | 873 |
| Pembantu harian | 2,161.00 | 2,928 |
| Perbelanjaan pengangkutan | 705.50 | 255 |
| Susutnilai | 11,905.25 | 13,799 |
| Alat bungkusan | 12,496.60 | 4,375 |
| Perbelanjaan Mesyuarat Agung | 1,200.00 | 1,427 |
| Bayaran elektrik | 14,060.40 | 8,632 |
| Iklan | - | 1,678 |
| Perbelanjaan perjalanan dan keraian | 497.60 | 3,388 |
| Bayaran kawalan keselamatan | 168.00 | 1,776 |
| Perbelanjaan pelajaran dan latihan | 956.00 | 1,600 |
| Kerugian dari kadar penukaran wang | 5,153.70 | - |
| Hutang lapuk | 296.40 | - |
| Bayaran akauntansi | 250.00 | - |
| Bayaran kiriman barang | 1,699.21 | 1,175 |
| Pelbagai perbelanjaan | 365.08 | 1,312 |
| | 241,823.57 | 220,818 |
| Keuntungan bersih dipindahkan ke Akaun Pembahagian Keuntungan | $151,330.12 | $248,906 |

Nota-nota di mukasurat 6 hingga 10 merupakan bahagian penting akaun-akaun ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.
PULAU PINANG

(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN-AKAUN - 30 APRIL 1985

1. DASAR-DASAR PERAKAUNAN BERKEPENTINGAN

(a) Asas-asas Perakaunan

i) Akaun-akaun Koperasi ini telah disediakan menurut kelaziman kos asal dengan andaian bahawa kegiatan Koperasi adalah berterusan.

ii) Akaun-akaun Koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Koperasi 1948 (Semakan 1983) dan Kaedah-Kaedah di bawahnya.

(b) Susutnilai

Susutnilai dikira mengikut sistem berkurangan menurut tempoh penggunaan harta tetap. Kadar-kadar susutnilai digunakan adalah seperti berikut:-

| | |
|---|---|
| Perabut dan kelengkapan pejabat | 25% setahun |
| Alat hawa dingin | 20% setahun |
| Ramp, ubahsuai dan pasangan elektrik | 10% setahun |

(c) Stok

Stok dinilaikan menurut kos belian dan nilai jualan bersih di antara mana yang rendah.

(d) Jualan

Jualan merupakan barang-barang yang telah diinvois tolak pulangan masuk dan tidak termasuk lain-lain pendapatan.

(e) Kadar Penukaran Wang

Harta dan tanggungan di negeri asing telah ditukar mengikut kadar penukaran pada 30 April 1985. Urusniaga dalam wang asing telah ditukar mengikut kadar penukaran pada tarikh urusniaga. Untung-rugi dan penukaran wang asing telah dimasukkan ke dalam akaun untung rugi.

2. KEGIATAN UTAMA KOPERASI

Koperasi sedang bergiat di dalam bidang-bidang memperjual-belikan buku-buku dan barang-barang runcit.

3. HARTA TETAP

| 1985 | Kos | Susutnilai Terkumpul | Nilai Buku Bersih | Susutnilai Untuk Tahun Ini |
|---|---|---|---|---|
| Perabut dan kelengkapan pejabat | $ 54,663.61 | $36,174.70 | $18,488.91 | $ 6,162.98 |
| Alat hawa dingin | 51,864.08 | 31,503.22 | 20,360.86 | 5,090.22 |
| Ramp, ubahsuai dan pasangan elektrik | 12,267.20 | 6,398.75 | 5,868.45 | 652.05 |
| | $118,794.89 | $74,076.67 | $44,718.22 | $11,905.25 |
| **1984** | | | | |
| Perabut dan kelengkapan pejabat | $ 50,509 | $30,373 | $20,136 | $ 6,712 |
| Alat hawa dingin | 51,864 | 26,413 | 25,451 | 6,363 |
| Ramp, ubahsuai dan pasangan elektrik | 12,267 | 5,746 | 6,521 | 724 |
| | $114,640 | $62,532 | $52,108 | $13,799 |

4. STOK

| | 1985 | 1984 |
|---|---|---|
| Kedai Buku | $490,196.20 | $448,125 |
| Kedai Mahasiswa | 322,361.94 | 271,452 |
| | $812,558.14 | $719,577 |

5. SIBERHUTANG PERNIAGAAN

| | 1985 | 1984 |
|---|---|---|
| Kedai Buku | $138,472.44 | $324,326 |
| Kedai Mahasiswa | 6,891.52 | 8,544 |
| | $145,363.96 | $332,870 |

Termasuk dalam siberhutang perniagaan Kedai Buku dan Kedai Mahasiswa adalah sejumlah $125,856.48 (1984 $317,796) yang dihutang dari Perpustakaan USM dan lain-lain jabatan dalam kampus USM.

6. PELBAGAI SIBERHUTANG, CAGARAN DAN BAYARAN TERDAHULU

| | 1985 | 1984 |
|---|---|---|
| Pelbagai siberhutang | $ 5,437.91 | $ 1,713 |
| Bayaran terdahulu kepada pembekal-pembekal | 94,544.91 | 76,426 |
| Cagaran kepada pembekal-pembekal | 14,958.05 | 5,644 |
| Bayaran terdahulu - insuran | 146.52 | 149 |
| Pinjaman kepada kakitangan | 14,444.50 | 4,667 |
| | $129,531.89 | $ 88,599 |

7. PETARUHAN TETAP

| | 1985 | 1984 |
|---|---|---|
| Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Pulau Pinang | $ 53,401.10 | $ 31,720 |
| Public Bank Berhad, Pulau Pinang | 21,997.18 | - |
| | $ 75,398.28 | $ 31,720 |

8. WANG DI BANK DAN DI TANGAN

| | 1985 | 1984 |
|---|---|---|
| **Kedai Buku** | | |
| Wang tunai runcit | $ 160.28 | $ 237 |
| Wang tunai terapung | 1,000.00 | 1,000 |
| Wang di Bank Bumiputra Malaysia Bhd. | | |
| - USM, Pulau Pinang | 53,402.70 | 46,585 |
| - London, England | 211.12 | 1,529 |
| - New York, Amerika Syarikat | 3,954.19 | 3,438 |
| | 58,728.29 | 52,789 |
| **Kedai Mahasiswa** | | |
| Wang tunai runcit | 429.30 | 359 |
| Wang tunai terapung | 1,100.00 | 1,100 |
| Wang di Bank Bumiputra Malaysia Bhd. | | |
| - USM, Pulau Pinang | 16,022.83 | 8,657 |
| | $ 76,280.42 | $ 62,905 |

9. MODAL SAHAM

| | 1985 Bilangan Ahli | 1985 Modal | 1984 Bilangan Ahli | 1984 Modal |
|---|---|---|---|---|
| Baki pada 1 Mei 1984 | | | | |
| Saham | 2,257 | $40,295.00 | 2,141 | $39,365 |
| Dividen yang tidak dituntut | - | 5,597.50 | - | 2,616 |
| | 2,257 | 45,892.50 | 2,141 | 41,981 |
| Tolak: | | | | |
| Pemberhentian ahli | 35 | 3,065.00 | 15 | 560 |
| Dividen yang dituntut | - | 1,029.50 | - | 710 |
| | 35 | 4,094.50 | 15 | 1,270 |
| | 2,222 | 41,798.00 | 2,126 | 40,711 |
| Tambah: | | | | |
| Tambahan ahli | 108 | 1,640.00 | 131 | 1,180 |
| Tambahan modal daripada ahli lama | - | 45.00 | - | 310 |
| Dividen yang tidak dituntut | - | 2,029.50 | - | 3,692 |
| Baki pada 30 April 1985 | 2,330 | $45,512.50 | 2,257 | $45,893 |

Sebanyak 227 surat pengesahan telah diedar dari jumlah ahli seramai 2,330 orang. Nilai yang diedarkan ialah $26,630.00 iaitu 68.43% dari jumlah modal saham (tidak termasuk dividen).

Keputusan edaran di atas adalah seperti berikut:-

| | Bilangan | Nilai |
|---|---|---|
| Ahli yang mengesahkan | 174 | $25,355.00 |
| Tiada jawapan | 53 | 1,275.00 |
| | 227 | $26,630.00 |
| Peratus kejayaan dari jumlah edaran | 76.65% | 95.21% |
| Peratus kejayaan dari jumlah besar | 7.47% | 65.15% |

Berdasarkan keputusan-keputusan di atas kami berpendapat bahawa angka modal saham yang ditunjukkan di dalam Lembaran Imbangan pada 30 April 1985 boleh diterima.

10. BAYARAN MASUK

| | 1985 | 1984 |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Mei 1984 | $ 3,702.88 | $ 3,437 |
| Campur: Diterima dalam tahun ini | 216.50 | 266 |
| Baki pada 30 April 1985 | $ 3,919.38 | $ 3,703 |

11. KUMPULANWANG KEBAJIKAN AM

Ini merupakan gran-gran dari USM yang tidak perlu dikembalikan.

12. KUMPULANWANG REZAB BERKANUN

| | 1985 | 1984 |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Mei 1984 | $128,642.23 | $ 73,883 |
| Campur: Pindahan dari Akaun Pembahagian Keuntungan | 33,292.63 | 54,759 |
| Baki pada 30 April 1985 | $161,934.86 | $128,642 |

13. PINJAMAN DARI USM

Ini adalah pinjaman tanpa faedah dan tidak bercagar dan tidak mempunyai tarikh pembayaran yang tertentu.

14. SIPIUTANG PERNIAGAAN

| | 1985 | 1984 |
|---|---|---|
| Kedai Buku | $205,785.78 | $329,578 |
| Kedai Mahasiswa | 136,593.23 | 153,848 |
| | $342,379.01 | $483,426 |

15. PELBAGAI SIPIUTANG DAN BAYARAN TERAKRU

| | 1985 | 1984 |
|---|---|---|
| Pelbagai sipiutang | $ 4,011.79 | $ 233 |
| Bayaran audit | 2,250.00 | 2,000 |
| Bayaran elektrik | 4,224.00 | 2,250 |
| Sumbangan kepada Angkasa | 4,002.36 | 2,489 |
| Sumbangan ke Akaun Amanah Kumpulanwang Pelajaran Koperasi | 3,026.60 | 4,978 |
| Petaruhan daripada pelanggan | 1,126.45 | 1,045 |
| Peruntukan derma Tabung Pinjaman Penuntut | 10,000.00 | 13,000 |
| Peruntukan bonos | 20,036.67 | 18,785 |
| Perbelanjaan pengangkutan terakru | 24.40 | - |
| | $ 48,702.27 | $ 44,780 |

16. PERUNTUKAN CUKAI PENDAPATAN

Peruntukan cukai ini dibuat berasaskan konsep tanggungan cukai yang maksima. Angka sebenarnya akan ditentukan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri. Peruntukan $12,500.00 difikirkan memadai.

17. KEUNTUNGAN JUALAN KASAR

| | 1985 | 1984 |
|---|---|---|
| Jualan | $2,600,600.29 | $2,424,258 |
| Tolak: Kos jualan | | |
| Stok pada 1 Mei 1984 | 719,576.63 | 564,139 |
| Belian | 2,307,595.44 | 2,116,147 |
| | 3,027,172.07 | 2,680,286 |
| Tolak: Stok pada 30 April 1985 | 812,558.14 | 719,577 |
| | 2,214,613.93 | 1,960,709 |
| Keuntungan jualan kasar | $ 385,986.36 | $ 463,549 |

18. BILANGAN PEKERJA

Pada 30 April 1985, Koperasi ini mempunyai pekerja seramai 24 orang. Bilangan ini tidak termasuk pekerja-pekerja separuh masa.

19. KEJADIAN SELEPAS TARIKH LEMBARAN IMBANGAN

Pusat Farmasi telah memulakan perkhidmatan jualan barang-barang "over-the-counter" pada 1 August 1985.

JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI,
JALAN MAHAMERU,
KUALA LUMPUR 10-02

Telefon: 989033
Kawat: KOPERASI

LAMPIRAN C(ii)

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: BIL.KOOP.(AUDIT)IP: PP-49/3165/5/(65)
Tarikh: 27hb. Disember, 1985.

ULASAN KETUA PENDAFTAR

Ahli-Ahli Koperasi,
Universiti Sains Malaysia
Kedai Buku Koperatif Berhad,
Universiti Sains Malaysia,
Minden,
Pulau Pinang.

Tuan,

Akaun dan Lembaran Imbangan - 1985.

Dengan hormatnya saya sertakan bersama-sama ini satu salinan Lembaran Imbangan, Akaun Untungrugi dan nota-nota kepada akaun tersebut, yang telah diaudit oleh Firma Juruaudit Ahmad Abdullah & Goh.

2. Pandangan-pandangan dan ulasan-ulasan Ketua Pendaftar ke atas akaun yang dibentangkan itu adalah seperti berikut :-

(a) Keputusan Operasi Koperasi

Keputusan operasi koperasi untuk tahun kewangan 1985 berbanding dengan tahun kewangan 1984 adalah seperti berikut :-

| | 1985 | 1984 | +/- % |
|---|---|---|---|
| Jualan | $ 2,600,600.29 | $ 2,424,258 | + 7.3 |
| Nisbah Keuntungan Kasar | 15% | 19% | |
| Jumlah Pendapatan | $ 393,153.69 | $ 469,724 | - 16.3 |
| Jumlah Perbelanjaan | 241,823.57 | 220,818 | + 9.5 |
| Keuntungan Bersih | $ 151,330.12 | $ 248,906 | - 39.2 |
| Nisbah Keuntungan Bersih | 5.8% | 10.3% | |

Berbanding dengan tahun kewangan 1984, walaupun jumlah jualan pada tahun kewangan ini telah meningkat dengan 7.3% tetapi keuntungan bersih telah merosot dengan 39.2%. Sebab utamanya ialah nisbah keuntungan kasar koperasi telah turun dari 19% pada tahun kewangan 1984 kepada 15% dan jumlah perbelanjaan telah naik sedikit dengan 9.5% jika dibandingkan dengan tahun lalu. Keturunan nisbah keuntungan kasar adalah satu perkara yang baik kerana ahli-ahli koperasi dapat membeli barang-barang dengan harga jualan yang di ' mark-up ' dengan peratus yang lebih rendah berbanding dengan tahun lalu. Namun begitu, koperasi eloklah mengawal perbelanjaan dengan ketat supaya prestasi koperasi dapatlah dipertingkatkan lagi.

(b) Undang-Undang Kecil 16

Undang-Undang Kecil 16 berkaitan dengan pemberhentian ahli telah dipinda dimana fasal tambahan (f) menyatakan keahlian akan mansuh setelah seseorang ahli tidak lagi menjadi penuntut atau kakitangan Universiti. Pada 30hb. April, 1985, amaun yang terakru kepada mereka yang terlibat dengan pindaan ini belum dikira. Pihak pentadbir koperasi hendaklah menyelesaikan perkara ini dan kemudian menyelaraskan Akaun Modal Saham Ahlinya.

(c) Kumpulanwang Rizab Berkanun

Kumpulanwang Rizab Berkanun eloklah diwakili oleh harta-harta tertentu yang senilai dengannya. Harta-harta tersebut eloklah harta-harta terjamin atau selamat (misalnya saham amanah, petaruhan tetap atau bon pinjaman) dan ditunjukkan di dalam Lembaran Imbangan di bawah tajuk " Harta-Harta Kumpulanwang Rizab Berkanun ".

Universiti Sains Malaysia
Kedai Buku Koperatif Berhad
Akaun dan Lembaran Imbangan - 1985.

(d) Siberhutang Perniagaan

Baki Siberhutang perniagaan pada 30hb. April, 1985 adalah $145,363.96. Termasuk dalam Siberhutang perniagaan tersebut, sejumlah $125,856.48 ( 1984 - $317,796 ) yang dihutang oleh Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan lain-lain Jabatan dalam Kampus Universiti Sains Malaysia. Supaya dapat mengadakan pengurusan modal kerja (working capital) yang lebih cekap, langkah-langkah yang berkesan perlulah diambil untuk mengutip balik hutang-hutang tersebut.

3. Berpandukan kepada kuasa-kuasa yang diberi kepada Ketua Pendaftar di bawah seksyen 35A(3) Akta Koperasi 1948 (Semakan 1983) dan tertakluk kepada perkara-perkara yang tersebut diatas, Lembaran Imbangan pada 30hb. April, 1985 Akaun Untungrugi Tahunan berakhir pada tarikh yang sama berserta dengan nota-nota yang mengiringinya adalah diluluskan.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

( OONG KEE KEANG ),
b.p. Ketua Pendaftar Koperasi-Koperasi,
Malaysia.

s.k.

Ketua Pendaftar Koperasi-Koperasi Malaysia, Kuala Lumpur.

Pengarah Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang.

Pemeriksa Kira-Kira Kanan Negeri Pulau Pinang.

Pegawai Pembangunan Koperasi Pejabat Pulau Pinang.

Firma Juruaudit Ahmad Abdullah & Goh.

OKK/bb...

# KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.

## ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TEMPOH 1986/1987

| | Sebenar 1984/85 | Jangkaan 1985/86 | Ramalan 1986/87 |
|---|---|---|---|
| Pendapatan | M$ | M$ | M$ |
| Jualan tunai | 1,426,559.86 | 1,450,000.00 | 1,505,000.0 |
| Jualan hutang | 1,173,900.80 | 1,100,000.00 | 1,210,000.0 |
| | 2,600,460.66 | 2,550,000.00 | 2,715,000.0 |
| Anggaran untung kasar | 389,954.60 | 392,500.00 | 425,750.00 |
| Perbelanjaan | | | |
| Gaji & elaun | 135,009.75 | 143,000.00 | 149,520.0 |
| Bonus | 19,456.43 | 23,000.00 | 22,000.0 |
| Kumpulan Wang Simpanan Pekerja | 14,479.00 | 15,400.00 | 16,150.0 |
| Perkeso | 1,584.75 | 1,600.00 | 1,870.0 |
| Cetakan & alatulis | 5,975.45 | 8,000.00 | 8,400.0 |
| Setem, telefon & telegram | 5,436.90 | 6,100.00 | 6,650.0 |
| Bayaran perubatan | 2,891.60 | 2,500.00 | 2,700.0 |
| Insuran | 1,268.65 | 1,600.00 | 1,900.0 |
| Bayaran audit | 2,250.00 | 2,000.00 | 2,250.0 |
| Pembaikan dan penyelenggaraan | 667.00 | 900.00 | 950.0 |
| Komisyen bank | 736.98 | 900.00 | 1,000.0 |
| Perbelanjaan pengangkutan | 905.50 | 2,000.00 | 2,200.0 |
| Susutnilai | 11,641.37 | 12,000.00 | 13,250.0 |
| Alatan bungkusan | 12,084.52 | 7,800.00 | 9,950.0 |
| Bayaran letrik | 14,011.60 | 18,000.00 | 19,000.0 |
| Elaun perjalanan | 497.60 | 2,000.00 | 2,000.0 |
| | 228,897.10 | 246,800.00 | 259,790.0 |
| Belanja mengejut | 9,788.19 | 24,680.00 | 26,675.0 |
| | 238,685.29 | 271,480.00 | 286,465.0 |
| Anggaran untung bersih | 151,269.31 | 121,020.00 | 139,285.0 |

| Undang-Undang yang sedia ada | Pindaan yang dicadangkan (pindaan digariskan) |
|---|---|
| 6. Membership of the Society shall be opened to:- | 6. Membership of the Society shall be opened to:- |
| (a) any registered society; | (a) - same - |
| (b) students and staff of the University of the age of 18 years and over resident within or in occupation of land in West Malaysia; and | (b) students and staff of the University of the age of 18 years and over, a citizen, and resident within or in occupation of of land in Malaysia; and |
| (c) any corporate body subject to the approval of the Director-General. | (c) - same - |

Rasional

Pindaan ini akan menyelaraskan undang-undang kecil berkenaan dengan Co-operative Societies (Amendment and Extension) Act, 1976.

| | |
|---|---|
| 7. Every person or registered society eligible for membership under bye-law 6 who is desirous of becoming a member shall submit an application in writing to the Board in the form prescribed by the Board applying to be admitted to membership of the Society, and declaring that he agrees to be bound by the existing bye-laws of the Society and by any modification of or addition to such bye-laws that may be legally effected during the period of his membership and also stating the number of shares he wishes to take. Such application shall be signed by the person or two members of society applying to be a member. An individual applicant shall deposit $5.00 for the value of one share and $2.00 as entrance fees. A registered | 7. Every person or registered society eligible for membership under bye-law 6 who is desirous of becoming a member shall submit an application in writing to the Board in the form prescribed by the Board applying to be admitted to membership of the Society, and declaring that he agrees to be bound by the existing bye-laws of the Society and by any modification of or addition to such bye-laws that may be legally effected during the period of his membership and also stating the number of shares he wishes to take. Such application shall be signed by the person or two members of society applying to be a member. An individual applicant applying for full membership shall deposit $100.00 for the value of twenty shares and $2.00 as entrance fee. An individual |

society shall deposit $100.00 for the value of twenty shares and $10.00 as entrance fees.

applicant applying for ordinary membership shall deposit $5.00 for the value of one share and $2.00 as entrance fee. A registered society shall deposit $2,000.00 for the value of four hundred shares and $10.00 as entrance fee.

Rasional

Pada masa sekarang jumlah modal saham Kedai Buku Koperatif Berhad adalah $45,895.50. Modal ini adalah kecil jika dibandingkan dengan jualan yang melebihi $2,400,000.00. Dengan pindaan ini Kedai Buku Koperatif Berhad akan membesarkan lagi modal asas.

10. When a member has paid his entrance fee and the value of at least one share as laid down in these bye-laws, he shall be deemed to have acquired all the rights and privileges, obligations and responsibilities of a member of the Society.

10. When a member has paid his entrance fee and the value of at least 20 shares as laid down in these bye-laws, he shall be deemed to have acquired all the rights and privileges, obligations and responsibilities of a member of the Society.

Rasional

Ahli penuh sahaja akan mempunyai hak menerima dividen dan membuang undi. Ini adalah untuk menggalakkan ahli menjadi ahli penuh.

24. (i) The Shares shall be $5.00 each. Every individual member shall subscribe or acquire at least one share. Every registered society and corporate body shall acquire at least twenty shares.

(ii) Every individual member may acquire shares by subscribing monthly a sum not less than $5.00 or multiples of $5.00.

(iii) No individual member, other than a registered society and corporate body shall hold more than one-fifth of the share capital of the Society.

(i) The Shares shall be $5.00 each. Every individual member shall acquire at least one share. Every registered Society and corporate body shall acquire at least four hundred shares.

(ii) Every individual member may acquire shares by subscribing monthly a sum not less than $5.00 or multiples of $5.00 for a period not exceeding six months.

(iii) — same —

Rasional

Bagi mereka yang ingin menjadi ahli penuh tetapi tidak mampu buat bayaran sekaligus, bayaran boleh dibuat secara ansuran.

| | |
|---|---|
| 25. All shares shall be fully paid up. Every member shall be notified at the end of every working year of the number of fully paid shares held by him in the Society and such notification shall be signed by the Treasurer of the Society. Dividends shall be paid only on fully paid shares. | 25. All shares shall be fully paid up. Every member shall be notified at the end of every working year of the number of fully paid shares held by him in the Society and such notification shall be signed by the Treasurer of the Society. Dividends shall be paid only on fully paid shares held by full members. |

Rasional

Ini adalah untuk menggalakkan keahlian penuh.

| | |
|---|---|
| 29. The remainder of the net profit after providing for the Statutory Reserve Fund may be allocated to any or all of the following purposes:- | 29. The remainder of the net profit, after providing for the Statutory Reserve Fund may be allocated to any or all of the the following purposes:- |
| (a) The payment of dividend on fully paid shares at rate not exceeding 10 per cent per annum. | (a) The payment of dividend on fully paid shares held by full members only, at rate not exceeding 10 per cent per annum. The payment of dividend at rate exceeding 10 per cent can be made with the prior sanction of the Registrar-General. |
| (b) The payment of rebates on purchases made during the year provided that the purchases made during the year are not less than $50.00 a year. No rebates shall be made to a member who has withdrawn or transferred all his shares under bye-laws 20 or 22. | (b) - same - |
| (c) The payment of honoraria to the Board of Directors not exceeding 10 percent of the Net Profit after deduction of Statutory Reserve. | (c) - same - |
| (d) The contribution of an amount not exceeding 10 per cent of the Net Profit | (d) - same - |

to the Common Good Fund.

Rasional

Ini adalah untuk menggalakkan keahlian penuh.

| | |
|---|---|
| 44. One-fourth of the total number of members or 30 members whichever is the less shall constitute a quorum at a general meeting. If at the hour fixed a quorum is not forthcoming the Chairman shall if the meeting has been called on the requisition of members dissolve it. If otherwise convened the Chairman shall postpone the meeting to a date at least seven days and not more than two weeks ahead and the business to be transacted at such postponed meeting shall be the same and no other than that proposed for the original date of meeting. At such postponed meeting resolutions may be carried by the majority of two-thirds present without regard to the number required to form a quorum. Provided always that the bye-laws may only be amended in accordance with the provisions of Rule 9 of the Rules. | 44. One-fourth of the total number of full members or 30 full members whichever is the less shall constitute a quorum at a general meeting. If at the hour fixed a quorum is not forthcoming the Chairman shall if the meeting has been called on the requisition of members dissolve it. If otherwise convened the Chairman shall postpone the meeting to a date at least seven days and not more than two weeks ahead and the business to be transacted at such postponed meeting shall be the same and no other than that proposed for the original date of meeting. At such postponed meeting resolutions may be carried by the majority of two-thirds present without regard to the number required to form a quorum. Provided always that the bye-laws may only be amended in accordance with the provisions of Rule 9 of the Rules. |

Rasional

Ini adalah untuk menggalakkan keahlian penuh.

| | |
|---|---|
| 50. (a) No member shall be elected or nominated to the Board unless he has acquired the value of shares not less than \$10.00 in the case of a student and \$25.00 in the case of a staff member. | 50. (a) No member shall be elected or nominated to the Board unless he has acquired the value of shares not less than \$100.00 in the case of a student and \$200.00 in the case of a staff member. |
| (b) All directors nominated or elected in the | (b) - same - |

Inaugural General Meeting shall have to acquire the required value of shares as laid down in paragraph (a) of bye-law 5Ø within the period of six months.

Rasional

Semua ahli Lembaga mesti menjadi ahli penuh.

| | |
|---|---|
| 54. The Board shall meet at least once a month. The meeting of the Board shall be called by the Secretary. A meeting shall also be called at the request of the Chairman or at a request in writing to the Secretary by two directors mentioning the business to be transacted. | 54. The Board shall meet at least six times a year. The meeting of the Board shall be called by the Secretary. A meeting shall also be called at the request of the Chairman or at a request in writing to the Secretary by two directors mentioning the business to be transacted. |

Rasional

Sejak Kedai Buku Koperatif Berhad ditubuhkan, Lembaga tidak dapat bermesyuarat setiap bulan oleh kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan.

| | |
|---|---|
| 63. (c) The Treasurer's duties shall be:- | 63. (c) The Treasurer's duties shall be:- |
| (i) To be responsible for the disbursement of the funds of the Society in accordance with the directions of the Board provided that he shall not hold as cash in hand a sum exceeding $1ØØ.ØØ at any one time. | (i) To be responsible for the disbursement of the funds of the Society in accordance with the directions of the Board provided that he shall not hold as cash in hand a sum exceeding the amount determined by the Board of Directors. |
| (ii) To prepare monthly financial statements and to submit them to the Board at each meeting. | (ii) - same - |
| (iii) To prepare annual statement of accounts and to submit them to the Board as soon as they are ready. | (iii) - same - |
| | (iv) - same - |
| | (v) - same - |
| | (vi) - same - |

(iv) To ensure that the books are made available for audit as soon as possible after the close of the financial year.

(v) To attend to such other matters as may be directed by the Board from time to time.

(vi) To sign cheques.

Rasional

Wang ditangan adalah wang yang terapung yang digunakan sebagai tukaran wang kecil dan untuk membeli barang seperti rokok, suratkhabar harian, dsb. Oleh kerana kesan daripada inflasi di tahun-tahun yang lepas, wang $100.00 tidak mencukupi.